

UM ke-59 terbaik dunia

Pencapaian berdasar empat daripada enam indikator penilaian ditetapkan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM) terus melakar kecemerlangan apabila menduduki tempat ke-59 dalam penarafan universiti dunia, sekali gus menghuni kelompok 100 terbaik selama tiga tahun berturut-turut.

Pencapaian membanggakan itu berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2021 yang dikeluarkan semalam, menyaksikan UM melonjak 11 anak tangga berbanding tahun lalu.


Kejayaan universiti tertua negara itu berdasarkan kemampuan menggalakkan prestasinya dalam empat daripada keseluruhan enam indikator penilaian ditetapkan.

Ia membabitkan reputasi akademik, reputasi majikan, rujukan setiap fakulti, nisbah fakulti/pelajar, nisbah fakulti antarabangsa dan nisbah pelajar antarabangsa

Analisis sama turut menyenaraikan tiga universiti terkemuka tempatan yang melonjak kedudukan ke dalam kelompok 150 terbaik dunia.

Ia membabitkan Universiti Putra Malaysia (kedudukan 159 ke 132), Universiti Kebangsaan Malaysia (kedudukan 160 ke 141) dan Universiti Sains Malaysia (kedudukan 165 ke 142).

Universiti Teknologi Malaysia



Reputasi akademik antara penilaian membolehkan UM menduduki tempat ke-59 penarafan universiti dunia.

(UTM) pula merekodkan peningkatan paling tinggi dalam kalangan universiti awam iaitu dari kedudukan 217 ke 187 dan tersenarai antara 200 terbaik dunia.

Kecemerlangan universiti swasta Malaysia turut diakui berdasarkan analisis itu, malah Universiti Taylor's menyaksikan peningkatan kedudukan paling banyak dengan 135 tangga, menghuni kelompok 400 universiti terkemuka dunia buat kali pertama.

Pengarah Penyelidik QS, Ben Sowter, berkata peningkatan prestasi universiti di Malaysia pada analisis itu disumbangkan hasil usaha dan pelaburan berterusan dalam kalangan pengendali universiti serta penggiat bidang berkaitan.

Katanya, Kementerian Pendidikan (KPM) memperuntukkan 19.1 peratus daripada keselu-

Universiti di Malaysia tidak harus berpuas hati dengan prestasi diperoleh ini, terutama dari aspek penghasilan penyelidikan yang berpengaruh. Universiti di negara ini perlu terus melakukan pengajaran, intensiti dan impak penyelidikan berkualiti untuk lebih cemerlang.

Ben Sowter,
Pengarah Penyelidik QS

han perbelanjaan kerajaan khusus untuk pendidikan.

"Anggaran penyelidikan dan pembangunan turut meningkat, manakala reputasi universiti tempatan berkembang mantap dalam kalangan komuniti akademik antarabangsa serta majikan global.

"Universiti di Malaysia tidak harus berpuas hati dengan prestasi diperoleh ini, terutama daripada aspek penghasilan penyelidikan yang berpengaruh.

"Universiti di negara ini perlu terus melakukan pengajaran, intensiti dan impak penyelidikan berkualiti untuk terus lebih cemerlang," katanya.

Pada edisi ke-17 analisis itu juga, sebanyak 12 daripada 20 universiti negara ini menunjukkan peningkatan kedudukan, enam kekal dan hanya dua menyaksikan penurunan.